

Komentor 8

Hakikat Parti Komunis China Ialah Agama Sesat

Pendahuluan

Pada awal 1990-an, kubu komunis yang dipimpin Kesatuan Soviet runtuh bercerai, menanda kegagalan Gerakan Komunis Antarabangsa yang hampir 100 tahun lamanya. Akan tetapi Parti Komunis China (PKC) sebagai suatu bilangan ganjil tetap wujud bertahan, bahkan menguasai China yang mempunyai populasi 1/5 daripada jumlah populasi di dunia. Suatu pertanyaan yang tidak dapat dihindari ialah, adakah PKC sekarang ini masih merupakan komunis yang sebenar?

Sekarang ini, tidak seorang pun di China, termasuk anggota PKC sendiri masih mempercayai komunisme. Setelah menjalani sistem “sosialisme” selama 50 tahun lebih, sekarang PKC membawa kembali pemilikan peribadi, sistem saham, dan mengundang masuk modal asing untuk mendirikan perusahaan, melakukan pemerasan yang paling maksimum terhadap kaum buruh dan petani. Semua itu bertolak belakang dengan apa yang disebut-sebutkan sebagai komunisme yang ideal. Namun pada masa yang sama, PKC tetap mempertahankan kuasa hegemoni mutlak parti. Undang-undang terbaru yang disemak pada tahun 2004, masih dengan kerasnya menentukan bahawa: “Semua rakyat China daripada pelbagai etnik akan tetap di bawah kepemimpinan PKC, di bawah bimbingan Marxisme-Leninisme, Pemikiran Mao Zedong, Teori Deng Xiaoping dan pemikiran penting dalam ‘Tiga Wakil’, mempertahankan kediktatoran demokrasi rakyat, mempertahankan jalur sosialisme....”

“Harimau bintang sudah mati, namun kulitnya masih tertinggal” [1].PKC sekarang ini bagaikan suatu “kantong kulit yang tertinggal”, dan terus diwarisi PKC bagi mempertahankan kekuasaannya.

Apakah sebenarnya hakikat pada kulit yang diwarisi PKC ini, iaitu organisasi PKC ini?

I. Ciri-ciri Agama Sesat PKC

Hakikat Parti Komunis sebenarnya ialah suatu agama sesat yang menjahanamkan umat manusia.

Meskipun Parti Komunis tidak menyebutkan dirinya sebagai suatu agama, namun telah memiliki dengan lengkapnya corak agama (lihat Jadual 1). Pada awal mula pendiriannya, Parti Komunis telah menganggap doktrin Marxisme sebagai kebenaran mutlak di dunia ini. Parti Komunis menjunjung Marx sebagai tuhan dalam jiwa mereka, memujuk anggota partinya berjuang seumur hidup demi apa yang disebutkan sebagai “syurga komunis di bumi manusia”.

	Bentuk Asas Agama	Bentuk Asas Agama Sesat PKC
1	Tempat ibadah, tempat berceramah	Jawatankuasa parti pelbagai peringkat, forum dan kuliah daripada mesyuarat parti kepada media massa yang dikuasai oleh parti.
2	Ajaran makna agama, doktrin	Ideologi Marxisme-Leninisme, Pemikiran Mao Zedong, Teori Deng Xiaoping, Teori "Tiga Wakil" Jiang Zemin, Perlembagaan Parti.
3	Upacara pemelukan agama	Bersumpah, setia pada parti buat selama-lamanya.
4	Kepercayaan tunggal	Hanya percaya kepada Parti Komunis.
5	Penyebarkan agama, imam	Setiausaha agung jawatankuasa parti, ahli-ahli parti di pelbagai peringkat dan lain-lain.
6	Menyembah Tuhan	Mencaci maki semua Tuhan, lalu menjadikan diri sendiri sebagai "Tuhan".
7	Meninggal dunia disebut "naik syurga atau masuk neraka".	Meninggal dikatakan "pergi berjumpa dengan Marx"
8	Kitab suci	Karya-karya teori pemimpin komunis.
9	Berkhutbah	Mesyuarat kecil atau besar, ceramah pemimpin.
10	Membaca kitab suci	Pembelajaran politik, mesyuarat organisasi anggota parti.
11	Nyanyian suci	Lagu-lagu yang memuja parti.
12	Sumbangan dan zakat	Mengumpul dan memeras yuran parti, memaksa kewajiban untuk menyumbangkan belanjawan pemerintahan (yang merupakan hasil peluh dan darah rakyat).
13	Hukuman dan pantang larang	Disiplin parti, daripada "penahanan rumah dan penyiasatan", "dibuang daripada parti", dibunuh mati, sehingga membabitkan orang lain.

Jadual 1 Corak Agama Sesat PKC

Parti Komunis mempunyai perbezaan yang jelas dengan agama ortodoks. Disebabkan agama yang ortodoks semuanya mempercayai Tuhan, mempercayai kebaikan, dengan matlamat mendidik moral manusia serta menyelamatkan arwah manusia, manakala komunis pula tidak mempercayai adanya Tuhan, bahkan menentang nilai moral tradisional.

Perbuatan yang dilakukan oleh Parti Komunis cukup membuktikannya ialah suatu agama sesat. Doktrin Parti Komunis yang mengambil pertarungan kelas, revolusi kekerasan serta kediktatoran proleteriari sebagai ajaran utamanya, telah mengakibatkan "revolusi komunis" yang penuh dengan kekerasan berdarah dan pembunuhan. Keganasan merah rejim komunis yang bertahan selama hampir

satu abad, mencelakai negara yang tidak terkira di dunia, mengakibatkan berpuluh-puluh juta orang kehilangan nyawa. Kepercayaan komunis yang sedemikian rupa, yang menghasilkan neraka di muka bumi manusia ini, benar-benar ialah agama sesat terbesar di dunia.

Tentang ciri-ciri agama sesat PKC, kita boleh menyimpulkan kepada 6 ciri yang berikut:

(I) Mereka Cipta Doktrin Sesat Dan Melenyapkan Orang Yang Berbeza Pendapat Dengannya

Parti Komunis menganuti ideologi Marxisme sebagai doktrinnya, dan melabelkannya sebagai “kebenaran yang tidak boleh ditumbangkan”. Ajaran doktrin komunis kurang belas kasih dan toleransi, penuh dengan sifat ego yang melampau. Ideologi Marxisme adalah merupakan suatu hasil pada zaman permulaan kapitalisme, yang pengeluaran dan sainsnya adalah tidak maju, dan tidak mempunyai pemahaman yang betul terhadap hubungan antara manusia dengan masyarakat, dan manusia dengan alam semulajadi. Ideologi yang serong dan sesat ini, malang sekali berkembang menjadi gerakan komunisme antarabangsa, membawa kecelakaan kepada umat selama ratusan tahun, sehingga perlaksanaannya membuktikan adalah silap sama sekali, dan ditinggalkan oleh orang ramai.

Pemimpin-pemimpin komunis sejak daripada Lenin, malahan tanpa henti-hentinya menambah isi kandungan baru untuk doktrin sesat komunis. Daripada teori revolusi kekerasan Lenin, sehingga revolusi secara berterusan di bawah kediktatoran proletariat Mao Zedong, dan sehingga “Tiga Wakil” Jiang Zemin, sejarah komunis dipenuhi dengan ajaran serong dan sesat sedemikian. Meskipun teori-teori kesemua ini telah mengakibatkan bencana yang tidak terhingga dalam perlaksanaannya, malahan bercanggahan depan belakang dengan sendirinya, namun masih mahu dilabelkan sebagai benar mutlak, dan memaksa rakyat jelata mempelajarinya.

Menghapuskan orang-orang yang berbeza pendapat dengannya ialah taktik yang paling berkesan untuk menyebarkan ajaran sesatnya. Disebabkan doktrin dan perlakuan ajaran sesat komunis amatlah tidak masuk akal langsung, maka hanya dengan bergantung kepada keganasan untuk menghapuskan pihak yang berbeza pendapat dengannya baharulah dapat memaksa rakyat menerimanya. PKC selepas merampas kekuasaan, melancarkan Reformasi Tanah bagi menghapuskan kelas tuan tanah, “reformasi sosialisme” melenyapkan golongan kapitalis, “penindasan reaksionis” melenyapkan kekuatan agama di kalangan rakyat dan kakitangan dalam pemerintahan sebelumnya, “gerakan anti sayap kanan” membuat golongan intelektual menutup mulut, “Revolusi Kebudayaan” menumbangkan kebudayaan tradisional daripada akar umbinya, benar-benar telah merealisasikan suatu keadaan ajaran PKC menakluki dunia, di mana semua orang “membaca Buku Merah”, “menari tarian taat setia”, “pagi meminta arahan daripada parti, malam memberi laporan kepada parti”. Pada tempoh selepas pemerintahan Mao dan Deng, PKC sekali lagi menuduh Falun Gong yang berpegang kepada prinsip “Sejati, Baik, Sabar” cuba merebut massa dengannya, hendak menghapuskan Falun Gong baru berpuas hati. Justeru itu PKC telah memulakan suatu pembunuhan beramai-ramai terhadap Falun Gong, yang masih berterusan sehingga hari ini.

(II) Menyembah Ketua Agama Yang Tunggal

Daripada Karl Marx hingga Jiang Zemin, semua portrat pemimpin komunis digantungkan dan dibiarkan untuk disembah, kekuasaan mutlak pemimpin tidak boleh dicabar. Mao Zedong menjadi “Matahari Merah”, “maha bintang penyelamat”, kata-katanya “sepatah kata menyamai sepuluh ribu patah kata”. Deng Xiaoping sebagai “anggota parti biasa” pernah menguasai politik China seperti maharaja. Teori “Tiga Wakil” Jiang Zemin seluruhnya termasuk titik dan koma sekali hanya baru 40 patah perkataan, namun dengan kelakarnya ditetapkan dalam sidang pleno ke-4 PKC sebagai “telah menjawab pertanyaan apa itu sosialisme, dan bagaimana membangunkan sosialisme, dengan

kreatifnya telah menjawab persoalan tentang hendak membangunkan parti yang bagaimana, dan bagaimana membangunkan parti, dan merupakan pewarisan dan perkembangan terhadap teori Marxisme-Leninisme, Pemikiran Mao, dan Teori Deng Xiaoping.”

Stalin membunuh orang yang tidak berdosa secara sembarangan, Mao Zedong mencetuskan bencana besar Revolusi Kebudayaan, Deng Xiaoping memerintahkan pembunuhan beramai-ramai dalam “Peristiwa Tiananmen 4 Jun”, Jiang Zemin melancarkan penindasan terhadap Falun Gong. Semua ini adalah merupakan akibat buruk daripada kediktatoran ketua agama PKC.

PKC dalam sisi undang-undang menetapkan, “Segala kuasa Republik Rakyat China ialah hak milik rakyat. Institusi yang menyelenggarakan kekuasaan negara ialah Kongres Rakyat Nasional dan kongres rakyat di pelbagai peringkat daerah”, “Sebarang organisasi atau individu semuanya pun tidak mempunyai hak istimewa yang boleh melampaui Perlembagaan dan undang-undang.” [2] Namun daripada segi yang lain dalam “Perlembagaan Parti” menetapkan bahawa PKC “adalah merupakan inti kepimpinan sosialisme yang bercorakkan China”, menempatkan parti di atas rakyat dan negara. Pengerusi Jawatankuasa Tetap dalam Kongres Rakyat Nasional menyampaikan “ceramah penting” di mana-mana sahaja, menyatakan bahawa institusi kekuasaan yang “tertinggi” dalam negara harus “mempertahankan kepimpinan parti”. Berdasarkan prinsip “demokrasi sentralisme” PKC, seluruh parti mesti tunduk kepada Jawatankuasa Pusat. Jadi pada hakikatnya, apa yang dipertahankan oleh “Kongres” ialah “kediktatoran parti tunggal”, dan dengan melalui bentuk perundangan menjamin “kediktatoran parti tunggal” PKC.

(III) Mencuci otak secara kekerasan, kawalan jiwa, organisasi yang ketat, boleh masuk tidak boleh keluar.

Organisasi PKC sangat ketat, seseorang memerlukan pengenalan daripada dua anggota parti bagi kemasukan parti, anggota baru perlu bersumpah akan setia pada parti selama-lamanya, anggota parti harus membayar yuran parti, harus mengikuti aktiviti organisasi, harus mengikuti pembelajaran politik berkumpulan. Organisasi parti menyusupi di pelbagai peringkat kekuasaan negara, setiap desa dan pekan, setiap kota dan jalan, semuanya pun mempunyai organisasi dasar parti. PKC bukan sahaja hanya mengawal anggota dan hal ehwal parti, malahan massa bukan parti pun dalam kawalannya, kerana seluruh rejim harus “mempertahankan kepimpinan parti”. Dan “paderi” bagi gereja komunis – setiausaha-setiausaha parti di pelbagai peringkat, dalam masa pertarungan kelas, melakukan apa-apa pun tidak kena, yang paling alif adalah dalam hal mengena orang.

Dalam aktiviti organisasi, “kritikan dan kritikan terhadap sendiri” ialah suatu taktik yang digunakan secara umum dan sepanjang masa untuk mengawal jiwa anggota parti. Dalam sejarah PKC sering melakukan “pembersihan parti”, “rektifikasi”, menangkap “pengkhianat”, membunuh “Pasukan AB” [3], “mendisiplinkan parti”, menggunakan keganasan dan kekerasan secara berkala untuk memupuk “sifat parti”, supaya mereka tetap sejalan dengan parti selama-lamanya.

Masuk parti sama dengan menjual diri. Dengan Peraturan Parti terletak di atas undang-undang negara, parti boleh membuang keahlian anggota parti, namun anggota parti tidak boleh keluar daripada parti jika tidak menerima hukuman yang berat. Keluar daripada parti adalah sama dengan menjadi pengkhianat. Lebih-lebih pada masa Revolusi Kebudayaan, apabila agama sesat PKC menguasai seluruh negeri, jika parti hendak kamu mati maka kamu tidak akan dapat hidup, parti hendak anda tetap hidup kamu tidak boleh mati. Jika bunuh diri, itu adalah “takut akan hukuman daripada rakyat”, dan akan membabitkan ahli keluarga.

Proses membuat keputusan dalam parti beroperasi seperti kotak hitam, pertarungan dalam parti ialah rahsia mutlak, dokumen parti juga adalah rahsia. Takut dengan perbuatan jahatnya dibongkarkan,

PKC sering kali menghukum orang yang berbeza pendapat dengan mendakwa mereka “membocorkan rahsia negara”.

(IV) Mendorong Keganasan, Pemujaan Perdarahan dan Pengorbanan demi Parti

Mao Zedong mengatakan: “Revolusi bukan membuat jamuan, bukan menulis artikel, bukan melukis atau menyulam, tidak boleh begitu halus indah, begitu tenang, lemah-lembut, begitu ramah dan bersahaja. Revolusi ialah pemberontakan, ialah tindakan ganas suatu kelas untuk menggulingkan kelas yang lain.” [4]

Deng Xiaoping mengatakan: “Membunuh 200 ribu, untuk bertukar dengan kestabilan selama 20 tahun.”

Jiang Zemin mengatakan: “Melenyapkan tubuhnya (pengamal Falun Gong), merosakkan nama baiknya, dan membankrapkan ekonominya.”

PKC mendorong keganasan. Dalam gerakan politik yang lalu telah membunuh orang dalam jumlah tidak terhitung, mendidik rakyat “menghadapi musuh harus berdarah dingin bagaikan musim dingin yang dahsyat”. Bendera merah dikatakan sebagai “diwarnai oleh darah pahlawan”, pemujaan parti komunis terhadap warna merah sebenarnya ialah pemujaan terhadap darah.

PKC membuat teladan kepahlawanan, mendorong orang ramai berkorban demi parti. Di kota Yan’an, Zhang Side yang mati kerana bekerja di ketuhar candu untuk pengeluaran candu, disebutkan Mao Zedong sebagai “kematianannya lebih berat daripada Gunung Tai”. [5] Dalam zaman kegilaan, pelbagai slogan berani membabi-butakan yang dilaung-laungkan seperti “Pertama tidak takut menderita, kedua tidak takut mati”, “Dengan adanya pengorbanan menunjukkan kebesaran cita-cita luhurnya, berani menggantikan bulan dan matahari dalam langit yang baru” dan lain-lain, dipenuhi dengan kegilaan atas kekurangan bekalan material.

Pada akhir tahun 1970-an, Parti Komunis Vietnam menghantar tenteranya untuk menggulingkan kekuasaan Khmer Rouge yang dipupuk PKC, yang telah banyak berbuat jahat. Walaupun PKC sangat marah, akan tetapi kerana Republik Rakyat China tidak bersempadan dengan Kemboja, maka tidak dapat menghantar pasukan tentera secara langsung bagi menyokong Khmer Rouge. Kemudian PKC dengan alasan “mempertahankan diri”, padahalnya hendak “memberi pengajaran” kepada Parti Komunis Vietnam, lalu melancarkan serangan ke atasnya di sempadan China-Vietnam. Akibatnya berpuluh-puluh ribu pasukan tentera China telah mengorbankan darah dan jiwa yang berharga demi perbalahan antara parti-parti komunis ini, sesungguhnya kematian mereka tidak kena-mengena sama sekali dengan kedaulatan negara. Beberapa tahun kemudian PKC dengan tanpa malunya telah meminjam sebuah lagu “Sikap Anggun Yang Diwarnai Darah” untuk memperingati nyawa mudamudi yang tulus dan terkorban sia-sia ini untuk dijadikan sebagai pemujaan terhadap “semangat patriotisme pejuang revolusi”. Manakala Gunung Faka di daerah Guangxi yang telah mengorbankan 154 pahlawan China baru dapat direbut kembali pada 1981 itu, dengan mudah sekali dikembalikan lagi kepada Vietnam oleh PKC ketika penetapan sempadan antara China dan Vietnam.

Ketika merebaknya epidemik SARS pada awal 2003 dan meragut banyak nyawa manusia, PKC dengan pantas mengambil gadis-gadis jururawat yang masih muda usianya memasuki parti, kemudian dikurungkan di dalam hospital untuk merawat “pesakit SARS”. PKC membiarkan anak-anak muda tersebut ke barisan paling depan untuk berhadapan dengan bahaya yang berkemungkinan meragut nyawa, lalu menggunakannya untuk mendirikan “imej gemilang” parti yang “Pertama tidak takut menderita, dan kedua tidak takut mati”. Namun begitu, pada masa yang sama Jiang Zemin bersama-sama dengan orang ramai yang takut mati pula, melarikan diri daripada Beijing ke Shanghai dengan alasan “menghindari daripada cuaca panas”.

(V) Menyangkal Kepercayaan kepada Tuhan Dan Melenyapkan Sifat Manusiawi

Parti Komunis mempromosikan atheisme, mengatakan agama sebagai “candu kerohanian” yang membiuskan rakyat. Dan dalam penguasaannya, semua agama dilenyapkan atau ditakluki, kemudian mempertuhankan diri sendiri untuk mencapai penguasaan seluruh negara dengan agama sesat komunis yang tunggal.

Ketika menghancurkan agama, pada masa yang sama PKC juga membinasakan kebudayaan tradisional China. PKC mengganggu tradisi, moral, nilai etika sebagai feodal, tahyul, reaksionis, lalu menghapuskannya atas nama revolusi. Dalam Revolusi Kebudayaan timbulnya sejumlah besar fenomena hodoh yang menghakis kebudayaan tradisional, antaranya seperti suami isteri saling membongkar dan saling mengutuk, pelajar memukul guru, anak dan ayah saling bermusuhan, Pengawal Merah membunuh sembarangan, kumpulan pemberontak meluluh lantak, dan banyak lagi, ini sesungguhnya adalah merupakan akibat PKC melenyapkan sifat manusiawi.

Semenjak penubuhan Republik Rakyat China, PKC memaksa suku minoriti untuk tunduk kepada kepimpinan komunis, justeru telah mengakibatkan kehilangan bahkan penyimpangan dalam kebudayaan etnik yang kaya dan berwarna-warni itu.

Pada 4 Jun 1989, “Tentera Pembebasan Rakyat” (yang kononnya), menyembelih pelajar di Tiananmen, rakyat jelata justeru itu sudah berasa kecewa total dengan masa depan politik, dan sejak dari itu seluruh rakyat berpandang kepada “wang”. Sejak 1999 hingga kini, PKC menindas secara kejam terhadap Falun Gong, bermusuhan dengan “Sejati, Baik, Sabar”, telah mengakibatkan kemerosotan akhlak moral masyarakat.

Semenjak memasuki abad baru ini, tindakan PKC melakukan penyitaan tanah secara tidak sah [6], perampasan wang dan barang telah mengakibatkan banyak rakyat jelata yang hidup melarat di jalanan. Jumlah orang yang mengajukan rayuan kepada kerajaan bertambah melonjak, konflik sosial semakin meruncing. Gerakan protes yang berskala besar biasa berlaku, dan ditindas oleh polis dan pasukan bersenjata dengan kekerasan. “Republik” yang bersifat fasis jelas menonjol sekali. Masyarakat bahkan tidak lagi menjunjung tinggi nilai etika moral.

Dahulu, “si arnab pun tidak memakan rumput di sekeliling sarangnya” (pepatah Cina yang bermaksud si penyangak pun tidak mencederakan saudara terdekatnya), namun kini penipuan biasanya dilakukan terhadap sanak-keluarga dan sahabat karib, dan ini disebutkan sebagai “membunuh yang kenal”. Dahulu rakyat jelata paling menjunjung tinggi kesucian kaum wanita, namun kini orang ramai “mencemuh yang miskin, namun tidak mencela yang melacur”. Dahulu doktor dan guru ialah orang beretika yang paling dihormati, namun sekarang hospital menjerat pesakit, sekolah menjerat pelajarannya dengan teruk sekali. Sejarah pembinasaan terhadap moral dan sifat manusiawi bangsa Cina dengan jelasnya dipamerkan dalam sebuah balada rakyat: “Tahun 1950-an orang saling menolong, tahun 1960-an orang saling menindas, tahun 1970-an orang saling menipu, tahun 1980-an orang hanya mempedulikan diri sendiri, tahun 1990-an orang berjumpa terus bantai orang”.

(VI) Merampas Kekuasaan dengan Kekuatan Militari, Memonopoli terhadap Ekonomi, Bercita-cita Liar dalam Ekonomi Dan Politik

Tujuan pendirian PKC adalah untuk merampas kekuasaan dengan kekuatan militari, selanjutnya melaksanakan rancangan ekonomi yang bersifat pemilikan-negaraan dan monopoli. Cita-cita liar PKC

tidak boleh dikatakan tidak besar, jika dibandingkan dengan agama sesat biasa yang mengumpulkan harta dengan tidak halal, hanyalah seperti hantu kecil bertemu dengan raja syaitan.

Dalam negara sosialis yang pemilikan umumnya dikuasai oleh Parti Komunis, organisasi parti yang mempunyai kekuasaan yang begitu besar ialah jawatankuasa dan cabangnya di pelbagai peringkat. “Parti yang merasuk” menguasai jentera negara, mengambil perbelanjaan secara langsung daripada pelbagai peringkat kerajaan. PKC bagaikan pontianak penghisap darah, tidak tahu telah merampas berapa banyak wang dan harta daripada masyarakat dan negara.

II. Bahaya Dan Ancaman Agama Sesat PKC

Apabila menyebut saja tentang insiden seperti “Aum Shinri Kyo (Supreme Truth) yang membunuh dengan gas beracun sarin”, “Agama Solar Temple naik syurga dengan membunuh diri”, ataupun “pembunuhan diri beramai-ramai pengikut Jim Jones’ People Temple”, semua orang akan gemetar ketakutan dan amat marah sekali. Akan tetapi, agama sesat PKC mencelakai orang lebih daripada puluhan ribu kalinya, kerana PKC mempunyai beberapa keistimewaan yang tidak dapat dilakukan oleh agama sesat biasa.

(I) Menegarakan Agama Sesat

Dalam sebuah negara yang normal, jika anda mengatakan anda tidak mempercayai sesuatu agama, anda boleh tidak membaca buku agama itu, tidak mendengar ajaran agama tersebut, anda tetap boleh hidup dengan baik. Akan tetapi, hidup di Tanah Besar China, anda tidak boleh untuk tidak mempelajari ajaran agama sesat komunis, dan anda tidak boleh untuk tidak mendengar propaganda agama sesat, kerana komunis telah merampas kekuasaan dan telah mengubah agama sesat komunis menjadi agama rasmi negara.

PKC memulakan penyebaran ajaran politiknya sejak daripada tadika dan sekolah rendah lagi. Dan seseorang tidak boleh menerima pendidikan yang lebih tinggi atau tidak boleh memperoleh kenaikan pangkat sekiranya tidak lulus dalam peperiksaan politik, dan soalan-soalan peperiksaan politik tersebut tidak mengizinkan pelajar untuk berfikir secara bebas dan berdikari sama sekali, tetapi sebaliknya pelajar harus menghafal secara bermati-matian jawapan standard yang disediakan oleh PKC, baru dapat lulus. Kasihan bagi orang Cina, demi peperiksaan, sejak dari kecil lagi terpaksa mengulangi ajaran komunis dan berulang kali mencuci otak mereka sendiri secara automatik. Kenaikan pangkat bagi kader kerajaan, tidak peduli sama ada ialah anggota PKC atau tidak, semuanya harus menghadiri sekolah parti. Seseorang tidak akan dinaikkan pangkat sehinggalah dia lulus dan tamat pengajian di sekolah parti.

Dengan agama sesat komunis sebagai agama rasmi negaranya, PKC tidak dapat membenarkan kewujudan sebarang pertubuhan yang mempunyai pendapat yang lain. Bahkan “parti-parti aliran demokratik” yang dijadikan sebagai pasu politik, dan Gereja “Tiga Mandiri” juga telah diubahsuai, semuanya harus menyatakan untk menerima kepimpinan PKC. Taat setia kepada PKC dahulu, baru percaya kepada Tuhan. Inilah logik agama sesat PKC.

(II) Mengawal Masyarakat Secara Keterlaluan

Asas menegarakan agama sesat ialah pengawalan terhadap rakyat dan pencabulan terhadap hak kebebasan oleh PKC. Pengawalan sedemikian ini tidak pernah ada dalam sejarah, kerana PKC telah merampas harta pemilikan peribadi rakyat, dan harta pemilikan peribadi adalah merupakan asas bagi kebebasan. China yang sebelum tahun 1980-an, orang yang tinggal di bandar hanya boleh bekerja dan mencari nafkah di perusahaan yang dikawal oleh PKC, kaum petani juga harus makan dan bercucuk tanam di atas tanah Komun (bagi PKC), sesiapa pun juga jangan berfikir dapat lepas daripada

genggaman pengawalan PKC. Dalam negara sosialis seperti China, organisasi PKC daripada jawatankuasa pusat parti terus sampai ke peringkat paling bawah masyarakat, termasuklah desa dan perkampungan, PKC melalui organisasi jawatankuasa parti dan cabang-cabangnya, menguasai masyarakat secara ketat. Akibat daripada pengawalan ketat ini, rakyat jelata telah kehilangan kebebasan mereka secara total: kebebasan bergerak (sistem pendaftaran tempat tinggal), kebebasan bersuara (500 ribu sayap kanan semuanya melanggar kebebasan bersuara), kebebasan untuk berfikir (Lin Zhao dan Zhang Zhixin [7] dibunuh kerana mencurigai PKC), kebebasan untuk mendapatkan maklumat (membaca buku larangan, mendengar siaran “radio musuh” semuanya melanggar undang-undang; melayari internet juga harus diawasi).

Mungkin ada orang yang mengatakan bahawa sekarang PKC juga sudah mengizinkan hak pemilikan peribadi. Tapi kita jangan lupa bahawa, reformasi ekonomi dan dasar keterbukaan hanya dilakukan kerana praktik sosialisme telah sampai pada tahap orang tidak dapat makan kenyang, dan telah sampai pada “pinggir keruntuhan ekonomi negara”. PKC demi kelangsungan hidupnya hanya mundur selangkah bagi menghindari daripada kemusnahan. Sekalipun setelah reformasi ekonomi dan keterbukaan, PKC tetap tidak melonggarkan kawalannya terhadap rakyat. Penindasan kejam terhadap massa Falun Gong hingga kini masih tetap berterusan, dan ini hanya boleh terjadi di negara komunis. Sekiranya PKC benar-benar menjadi kuasa besar ekonomi seperti yang diinginkan, maka sudah pastinya pengawalan terhadap rakyat hanya akan lebih ketat lagi.

(III) Memuja Keganasan Dan Memandang Rendah Nyawa

Hampir semua agama sesat pun menggunakan kekerasan untuk mengawal penganutnya, atau untuk menentang tekanan daripada luar. Namun begitu jarang sekali ada seperti PKC yang menggunakan taktik kekerasan dengan tanpa had dan bermaharajarela sekali. Menjumlahkan orang yang mati dibunuh oleh semua agama sesat di dunia, pun tidak dapat menandingi jumlah orang yang mati dibunuh oleh PKC. Dalam mata agama sesat PKC, manusia hanya sebagai taktik untuk mencapai matlamat mereka, membunuh manusia juga merupakan suatu taktik. Oleh sebab itu, ketika PKC menindas manusia pun tanpa hadnya dan tanpa rasa bersalah sedikit pun, sesiapa pun boleh dijadikan sebagai sasaran penindasan, termasuk penyokong parti, anggota parti, mahupun pemimpin parti.

Khmer Rough yang didukung dan dipelihara oleh PKC, ialah penjelasan yang tipikal terhadap kekejaman dan peremehan agama sesat PKC terhadap nyawa. Di bawah inspirasi dan bimbingan Pemikiran Mao Zedong, Parti Komunis Kemboja di bawah pimpinan Pol Pot yang hanya berkuasa selama tiga tahun dan lapan bulan, demi “menghapuskan hak pemilikan peribadi”, telah membunuh dua juta orang di negara kecil yang berpenduduk tidak sampai lapan juta orang itu, antaranya termasuk 200,000 orang Cina.

Agar orang ramai tidak melupakan kejahatan yang dilakukan Parti Komunis, dan bagi memperingati mangsa yang terkorban, Kemboja telah mendirikan sebuah muzium untuk mempamerkan dosa kejahatan Khmer Rough. Muzium tersebut dahulu ialah sebuah sekolah menengah tinggi, kemudian diubah oleh Pol Pot menjadi Penjara S-21 yang digunakan khusus untuk menangani pesalah yang berlainan ideologi. Sejumlah besar kaum intelektual dimasukkan ke dalam penjara tersebut dan dianiaya dengan kejam sehingga mati. Di dalam muzium selain penjara dan pelbagai alat penyeksaan, juga dipamerkan foto hitam-putih mangsa-mangsa yang diambil sebelum mati. Banyak alat penyeksaan yang membuat bulu roma orang berdiri: pemotongan leher, pengerudian otak, penghempasan bayi hidup-hidup dan lain-lain. Semuanya itu diwarisi “pakar-pakar dan ahli teknikal” yang dihantar PKC untuk membantu Parti Komunis Kemboja! Dan jurukamera yang khususnya mengambil foto pesalah-pesalah yang akan menjalani hukuman, dan dijadikan sebagai simpanan dan untuk dinikmati, juga dilatih oleh PKC.

Juga di Penjara S-21 ini, bagi membekalkan pemimpin Parti Komunis Kemboja ubat kuat, bahkan telah mencipta suatu mesin pengerudi otak untuk mengambil otak manusia lalu dijadikan ubat kuat. Pesalah-pesalah ideologi yang akan menjalani hukuman mati diikat pada sebuah kerusi, dan ditempatkan di depan mesin pengerudi otak. Pada saat mangsa dalam keadaan ketakutan yang teramat, mata gerudi yang berputar dengan kelajuan tinggi terus mengerudi masuk ke belakang otak mangsa, dengan demikian menjalani pengambilan otak hidup-hidup dengan cepat dan berkesan.

III. Sifat Agama Sesat Parti Komunis

Faktor apakah yang membuat Parti Komunis begitu jahat dan begitu kejam? Ketika “roh jahat” komunis datang ke dunia manusia ini, roh itu membawa suatu misi yang menakutkan. “Manifesto Komunis” mempunyai serangkap kata yang sangat terkenal di bahagian akhirnya seperti berikut:

“Orang komunis tidak perlu menyembunyikan pandangan dan tujuan mereka. Mereka mengumumkan secara terbuka: tujuan mereka hanya boleh tercapai dengan menggunakan kekerasan untuk menggulingkan seluruh sistem sosial yang sedia ada. Biarkan kelas pemerintahan untuk bergemetar di hadapan revolusi sosialisme. Kaum proletariat dalam revolusi ini hanya kehilangan rantai. Namun yang akan mereka dapat ialah seluruh dunia.”

Misi “roh jahat” tersebut adalah menggunakan kekerasan untuk menentang secara terbuka masyarakat manusia, untuk menghancurkan dunia lama, “menghapuskan hak pemilikan peribadi”, “melenyapkan sifat individu, sifat berdikari dan kebebasan kaum kapitalis”, “menghapuskan eksploitasi”, “melenyapkan keluarga”, membiarkan kaum proleterait untuk memerintah dunia.

Suatu parti yang menyatakan secara terbuka mahu melakukan “penyerangan, penghancuran dan perompakan”, bukan sahaja tidak mengakui pandangan sendirinya adalah jahat, malahan dengan tanpa malunya mengumumkan dalam “Manifesto Komunis”:

“Revolusi komunisme adalah mahu melakukan pemutusan hubungan setuntas-tuntasnya dengan seluruh sistem tradisional; maka tidak hairan sama sekali, dalam proses perkembangannya akan melakukan pemutusan hubungan setuntas-tuntasnya dengan konsep tradisional”.

Konsep tradisional dalam masyarakat itu berasal daripada mana? Menurut hukum alam semulajadi daripada atheisme, ialah suatu kemestian daripada hukum alam semulajadi dan hukum sosial, dan ialah hasil daripada hukum pergerakan alam semesta. Manakala menurut pandangan theisme pula, tradisi dan etika moral umat manusia ialah pewarisan daripada Tuhan kepada manusia. Tidak mempedulikan daripada manakah asalannya, kriteria paling asas bagi baik dan buruk, norma dan tingkah laku serta etika moral hubungan sesama manusia, semuanya mempunyai sifat yang tetap dan tidak berubah secara relatif, ialah asas bagi mempiawaikan tingkah-laku umat manusia dan menstabilkan peraturan sosial selama beribu-ribu tahun. Sekiranya manusia telah kehilangan kriteria norma masyarakat dan standard bagi membezakan baik dan buruk, bukankah telah merosot menjadi binatang? Ketika Manifesto Komunis “mahu melakukan pemutusan hubungan setuntas-tuntasnya dengan konsep tradisional”, yang terancam ialah asas masyarakat manusia yang wujud secara normal, maka sudah ditakdirkan bahawa Parti Komunis ialah suatu agama sesat yang menjahanamkan umat manusia.

Seluruh dokumen Manifesto Komunis memperlihatkan ikatan perasaan yang degil dan dangkal, namun tidak tertampak adanya kemuliaan hati dan toleransi. Marx dan Engels menganggap dirinya telah menemui hukum perkembangan sosial melalui dialektik materialisme, lantas merasakan “kebenaran” ada di tangan, lalu mencurigai dan menyangkal segala-galanya, berkeras memaksa orang untuk menerima khayalan komunisme, mendorong kekerasan untuk menghancurkan struktur sosial

dan asas kebudayaan yang sedia ada. Manifesto Komunis telah menyalur masuk roh jahat yang menentang hukum alam, melenyapkan sifat manusiawi, angkuh jahil, egois ekstrim dan bermaharajarela ke dalam Parti Komunis yang baru lahir.

IV. Hujah Hari Kiamat Parti Komunis - Ketakutan tentang “Kehancuran Parti”

Marx dan Engels telah menyalur masuk suatu roh jahat buat Parti Komunis. Lenin pula mendirikan Parti Komunis Rusia, mensubversi kerajaan sementara yang baru didirikan pasca Revolusi Februari [8] melalui kekerasan gangsterisme, telah mencekik mati revolusi borjuis Rusia dan merebut kekuasaan, telah mendapatkan suatu tempat bagi agama sesat komunis untuk berpijak di dunia manusia ini. Namun keberhasilan revolusi bukan sahaja tidak membuat kaum proletariat untuk mendapatkan seluruh dunia, sebaliknya, seperti yang dikatakan dalam perenggan pertama Manifesto Komunis: “Seluruh kekuatan Eropah lama semuanya telah bersekutu, melakukan pengepungan yang suci terhadap roh itu”. Setelah Parti Komunis lahir, langsung terjerumus ke dalam krisis kelangsungan hidup, bila-bila masa pun akan menghadapi bahaya dilenyapkan.

Selepas Revolusi Oktober [9], Parti Komunis Rusia atau Bolshevik yang berkuasa, bukan sahaja tidak membawakan keamanan bagi rakyat, malahan juga tidak membawakan “roti” dan membunuh orang dengan sembarangan. Pertempuran di barisan hadapan mengalami kekalahan secara berterusan, kesulitan ekonomi di bahagian belakang pula semakin bertambah berat disebabkan revolusi, sehinggakan rakyat bangkit melakukan penentangan. Dengan cepat sekali seluruh negeri dilanda perang saudara, kaum petani masing-masing menolak untuk membekalkan makanan ke bandar, dan pemberontakan yang berskala besar telah berlaku di Cossacks, berdekatan dengan Sungai Don, yang merupakan peperangan berdarah dengan Tentera Merah. Kebengisan dan kekejaman dalam pertumpahan darah kedua-belah pihak itu, digambarkan melalui karya sastera Sholokhov “Koleksi Kisah Sungai Don”, “Sungai Yang Sunyi” dan sebagainya. Barisan penentangan yang dipimpin oleh bekas jeneral Tentera Putih, Aleksandr Vailiyevich Kolchak dan Anton Denikin, pada suatu masa hampir telah menjatuhkan kekuasaan komunis Rusia. Suatu kekuasaan politik yang baru didirikan pun lantas mendapat penentangan daripada hampir seluruh rakyatnya, itu adalah disebabkan agama sesat komunis terlampau jahat, sangat tidak mendapat sokongan rakyat.

Pengalaman PKC di China juga sangat mirip dengan keadaan di Rusia, daripada “Insiden Mari” dan “Pembunuhan Beramai-ramai 12 April” [10], sampai “pengepungan” lima kali di daerah yang dikuasainya sehinggakan akhirnya apa yang disebutkan sebagai “Perjalanan Panjang” yang menempuh 25,000 kilometer. PKC menghadapi bahaya dihapuskan dalam jangka masa panjang.

Parti Komunis dilahirkan dengan bertekad untuk menghancurkan dunia lama tidak kira menggunakan cara apa-apa pun, namun kemudian didapatinya bahawa, pertama sekali harus menghadapi suatu masalah yang lebih realiti: bagaimana dapat berlangsung hidup sehingga tidak dihapuskan. Oleh sebab itu Parti Komunis sentiasa hidup dalam ketakutan sesekali dihapuskan. Bertahan hidup telah menjadi hal terpenting bagi agama sesat parti komunis, di atas segala-galanya. Hingga pada masa kini, dalam keadaan kubu komunis antarabangsa tercerai-berai secara keseluruhan, krisis kelangsungan hidup PKC semakin parah, hujah hari kiamat tentang “kehancuran parti” semenjak 1989 kian mendekati kenyataan.

V. Senjata Ajaib Kelangsungan Hidup Agama Sesat Parti Komunis - Pertarungan Kejam

Parti Komunis sentiasa menekankan kesetiaan mutlak anggotanya kepada parti, menekankan sifat keorganisasian serta kedisiplinan yang keras. Anggota PKC masuk parti harus bersumpah:

“Saya dengan sukarelanya menyertai Parti Komunis China, membela dasar parti, mematuhi perlembagaan parti, menjalankan kewajiban sebagai anggota parti, melaksanakan keputusan parti, menjaga kedisiplinan parti, menyimpan rahsia parti, setia kepada parti, bekerja secara aktif, berjuang seumur hidup demi komunisme, bersedia bila-bila masa sahaja untuk mengorbankan segala-galanya demi parti dan rakyat, tidak mengkhianati parti buat selama-lamanya.” (Lihat Perlembagaan PKC, Bab 1, Artikel 6).

PKC menyebut semangat pengorbanan diri kepada agama sesat ini sebagai “sifat parti”. PKC mengkehendaki seseorang anggota PKC untuk bersedia melepaskan segala prinsip dan kepercayaan peribadi bila-bila masa, mematuhi secara mutlak kepada keinginan parti dan keinginan pemimpin. Jika parti mahu anda berbuat baik, maka anda harus berbuat baik; jika parti menyuruh anda berbuat jahat, anda harus berbuat jahat, jika tidak maka tidak memenuhi standard sebagai anggota parti, dan dianggap sebagai petunjuk kepada sifat parti yang tidak teguh.

Mao Zedong pernah berkata: “Falsafah Marxisme ialah suatu falsafah pertarungan”. PKC bergantung kepada mekanisme pertarungan dalam parti secara berkala, bagi memupuk serta mempertahankan sifat parti tersebut. Dengan melancarkan pertarungan kejam di dalam mahupun di luar secara berterusan, PKC di satu sisinya menghapuskan orang yang berbeza pendapat dengannya dan menciptakan keganasan merah. Daripada sisi lain membersihkan barisan dalam parti secara berterusan, bagi mendisiplinkan dan memperketatkan peraturan agamanya, memupuk “sifat parti” anggota parti, meningkatkan daya tempur organisasi parti. Ini telah menjadi suatu senjata ajaib bagi PKC untuk mempertahankan kelangsungan hidupnya.

Mao Zedong ialah seorang “master” yang paling mahir dalam penggunaan senjata ajaib ini dalam pertarungan dalaman parti di kalangan pemimpin-pemimpin PKC, cara pertarungannya yang begitu sengit dan kejam, dan tipu muslihatnya yang begitu keji, telah tertampak sejak dari awal 1930-an di daerah yang disebut “Kawasan Soviet” yang dikuasai PKC.

Pada 1930, di daerah Jiangxi di Kawasan Soviet, Mao Zedong telah melancarkan suatu gelombang revolusi keganasan dalam skala besar, yakni “membersihkan Pasukan AB (Anti-Bolshevik)”. Ribuan Tentera Merah, anggota parti dan anggota liga pemuda PKC yang berada di pangkalan komunis, serta massa umum dibunuh dengan kejam. Penyebab langsung peristiwa tersebut ialah, kekuasaan Mao di Kawasan Soviet, daerah Jiangxi yang baru saja didirikan, telah mendapat cabaran hebat daripada Tentera Merah setempat, dan organisasi parti di barat daya daerah Jiangxi yang dipimpin oleh Li wenlin. Mao tidak dapat bertoleransi di bawah hidungnya ada apa-apa kekuatan penentang yang melawan kewibawaan dan kemahuan dirinya. Mao tidak teragak-agak menggunakan taktik yang ekstrim untuk menindas komrad parti yang dicurigai sebagai kekuatan yang tidak sefahaman dengan dirinya. Demi menciptakan suatu suasana pembersihan “Pasukan AB”, Mao tidak teragak-agak menjadikan pasukan yang mengikutinya sebagai sasaran pada peringkat permulaan. Pada akhir November hingga pertengahan Disember Tentera Merah Barisan Pertama melakukan “pembersihan pasukan secara kilat”. Organisasi pembersihan golongan kontra-revolusi didirikan di setiap peringkat dalam tentera, daripada divisi, resimen, batalion, kompeni hingga platun, untuk menangkap dan membunuh anggota parti yang berasal daripada keluarga tuan tanah, petani kaya dan anasir yang tidak puas. Dalam waktu tidak sampai sebulan, daripada 40 ribu lebih Tentera Merah, 4,400 lebih telah dilabelkan sebagai anasir “kumpulan AB”, antaranya termasuklah berpuluh-puluh orang kapten (kapten “Pasukan AB”), mereka semuanya dihukum mati.

Seterusnya Mao mula menghukum mereka yang tidak sefahaman dengannya di Kawasan Soviet. Pada Disember 1930 Mao menghantar Li Shaojiu yang merupakan Setiausaha Agung Jabatan Politik Umum bagi Barisan Pertama Tentera Merah, yang juga ketua jawatankuasa pembersihan kontra revolusi, untuk mewakili Jawatankuasa Barisan Hadapan Umum ke Futian, tempat pemerintahan Kawasan Soviet, Jiangxi, bagi melakukan penangkapan terhadap Jawatankuasa Bertindak Daerah dan

lapan orang pemimpin utama bagi Tentera Merah ke-20, termasuk Duan Liangbi, Li Bai dan lain-lain. Li Shaojiu menggunakan banyak cara penyiksaan seperti memukul dan membakar tubuh badan mangsa, sehingga mangsa yang disiksa mengalami kecederaan yang parah di seluruh bahagian badan, jari tangan juga patah dan tidak dapat bergerak. Menurut maklumat yang dicatat pada masa itu, orang yang disiksa sehingga “jeritan tangisan lantang bagaikan menggetarkan langit, cara penyiksaan yang digunakan adalah kejam, ekstrim dan tidak berperikemanusiaan”.

Tanggal 8 Disember, isteri-isteri bagi Li Baifang, Ma Ming dan Zhou Mian datang untuk menjenguk suami mereka yang berada di dalam tahanan, namun mereka juga ditangkap dan dituduh sebagai anggota “Pasukan AB”, lalu disiksa, dipukul dan dibakar bahagian tubuh dan bahagian kemaluannya, buah dada bahkan dipotong dengan pisau kecil”. Di bawah penyiksaan yang kejam, akhirnya Duan Liangbi mengakui bahawa Li Wenlin, Jing Wanbang, Liu Di, Zhou Mian dan Ma Ming ialah pemimpin-pemimpin Pasukan AB, dan terdapat sejumlah besar anggota Pasukan AB dalam sekolah Tentera Merah.

Daripada 7 Disember hingga malam 12 Disember, dalam masa 5 hari yang singkat, Li Shaujiu dan lain telah menangkap lebih daripada 120 orang anggota “Pasukan AB”, pesalah utama sebanyak beberapa puluh orang, menghukum mati 40 orang lebih secara berturut-turut di Futian. Tindakan kejam Li Shaujiu dan lain akhirnya telah mencetuskan “Insiden Futian” [11] yang menggemparkan Kawasan Soviet pada 12 Disember 1930. (Lihat Penyelidikan Sejarah tentang Pembersihan “Pasukan AB” oleh Mao Zedong di Kawasan Soviet, daerah Jiangxi”, oleh Kao Hua).

Mao Zedong bersandarkan pada teori dan praktikal pertarungan, daripada Kawasan Soviet hingga ke Yan'an, selangkah demi selangkah telah mendapatkan dan mengukuhkan kedudukannya sebagai kepimpinan yang mutlak dalam parti. Setelah PKC merampas kuasa pada 1949, pertarungan dalam parti yang sebegini masih tetap diteruskan. Sebagai contohnya dalam Persidangan Jawatankuasa Pusat PKC yang kelapan di Lushan, Mao Zedong melakukan serangan mendadak untuk menyingkirkan Peng Dehuai [12]. Pemimpin-pemimpin pusat yang hadir dalam mesyuarat tersebut, tidak seorang pun yang dapat menempuh ujian ini jika tidak menyatakan pendiriannya. Hanya beberapa orang saja yang berani menyuarakan pendapat mereka, itupun telah dilabelkan sebagai blok anti-parti Peng Dehuai. Sesampainya pada masa Revolusi Kebudayaan, kader-kader veteran di Jawatankuasa Pusat PKC ditindas satu per satu, tetapi semuanya menyelah tanpa sebarang penentangan pun, siapakah yang berani melawan Mao Zedong? Parti Komunis sentiasa menegaskan kesetiaan terhadap parti, menegaskan sifat keorganisasian serta kedisiplinan yang keras, menegaskan kepatuhan mutlak kepada ketua agama. Sifat parti yang sedemikian justeru dipupuk dan dilatih dalam pertarungan politik yang tanpa hentinya itu.

Dalam Revolusi Kebudayaan, Li Lishan yang pernah menjadi pemimpin bagi PKC, ditindas hingga menemui jalan buntu. Pada usia 68 tahun, setiap bulan dia rata-rata masih harus dikritik di khalayak umum sebanyak 7 kali ke atas. Isterinya yang bernama Li Sha dituduh sebagai pengintip “revisionis Soviet”, sejak awal lagi telah dimasukkan ke dalam penjara, tidak ada beritanya sama sekali. Dalam keadaan kecewa dan tidak mempunyai pilihan yang lain, Li Lishan membunuh diri dengan menelan sejumlah besar pil tidur. Sebelum meninggal Li Lishan telah menulis sepucuk surat kepada Mao Zedong, benar-benar telah menunjukkan seorang anggota PKC yang akan menjelang ajalnya pun tetap tidak berani untuk melepaskan “sifat partinya”:

Pengerusi,

Saya sekarang ini sudah menempuh jalan mengkhianati Parti dengan cara bunuh diri, sudah tidak mempunyai sebarang cara yang lain untuk membela dosa-dosa saya. Hanya satu benda saja, iaitu saya dan keluarga saya benar-benar tidak pernah melakukan apa-apa dosa pun yang mengkhianati negara. Hanya satu ini saja mobon kerajaan pusat untuk mengadakan penyiasatan dan pemeriksaan, dan membuat kesimpulan berdasarkan kebenaran...

Li Lishan 22 Jun 1967 [13]

Sementara falsafah pertarungan Mao Zedong akhirnya telah mengheret China masuk ke dalam suatu bencana besar yang belum pernah ada dalam sejarah, namun gerakan politik dan pertarungan dalam parti yang “dilancarkan selang 7 atau 8 tahun” ini, benar-benar telah menjadi suatu mekanisme yang telah menjamin kelangsungan hidup buat PKC. Setiap kali dalam gerakan atau kempen pastinya akan menindas bilangan minoriti sebanyak lebih kurang 5 peratus, dan membiarkan baki majoriti 95 peratus patuh dan menyatu dengan garis dasar parti, dengan demikian memperkuat daya tempur dan daya penyatuan parti. Dan dengan demikian juga menyingkirkan anasir-anasir yang “tidak teguh” yang tidak mahu melepaskan kesedaran nuraninya, dan menyerang sebarang kekuatan yang berani untuk menentanginya. Melalui mekanisme yang sebegini, anggota dalam parti yang paling mempunyai semangat bertarung, dan yang paling pandai memainkan taktik dan siasat gengster baru dapat memegang kekuasaan. Dengan kata lain, ketua agama sesat parti komunis semua pun dijamin ialah anasir “teguh” yang berpengalaman luas dalam bertarung dan dipenuhi dengan sifat partinya. Pertarungan kejam ini juga memberi “pengajaran berdarah” serta mencuci otak dengan kekerasan bagi orang yang pernah mengalaminya, dan pada masa yang sama menambahkan tenaga bagi PKC menerusi pertarungan yang berterusan, kian memperkuat semangat bertarungnya, menjamin PKC tidak dihancurkan dan tidak dapat diubah menjadi suatu kumpulan sederhana yang melepaskan pertarungan.

Sifat parti yang dikehendaki oleh PKC ini, tepat-tepat adalah daripada sifat agama sesat parti komunis. Demi mencapai matlamatnya, PKC bertekad untuk memutuskan hubungan dengan segala prinsip tradisional, bertekad tidak teragak-agak untuk menggunakan segala cara, untuk bermusuhan dengan segala kekuatan yang menghalangnya, oleh sebab itu PKC perlu memupuk anggota partinya menjadi alat jinak parti yang tanpa perasaan, tanpa mengenal kebenaran dan tidak mempunyai kepercayaan. Sifat PKC ini, berasal daripada pemusuhannya terhadap masyarakat dan tradisi umat manusia, berasal daripada penilaian bongkak terhadap dirinya sendiri dan ekstrim egois, dan meremehkan nyawa orang lain. Demi apa yang disebutkan sebagai cita-citanya, PKC tidak teragak-agak untuk menggunakan kekerasan menghancurbinasakan seluruh dunia, menghapuskan segala yang tidak sefahaman dengannya. Agama sesat seperti ini ditentang oleh semua orang yang mempunyai pengertian nurani, maka PKC pasti mahu dengan sedaya upaya melenyapkan nurani mulia manusia, baru dapat membuat orang mempercayai sepenuhnya teori sesatnya. Oleh sebab itu jika PKC ingin memastikan kelangsungan hidupnya terjamin, justeru pertamanya harus membinasakan nurani mulia dan standard moral manusia, mengubah manusia menjadi hamba dan alat yang jinak. Dipandang daripada logik PKC, nyawa dan kepentingan parti adalah lebih tinggi daripada segala-galanya, bahkan melebihi kepentingan kolektif semua anggota parti pada keseluruhannya, dengan demikian maka sebarang anggota parti individu harus bersiap sedia pada bila-bila saja untuk berkorban demi parti.

Ditinjau daripada sejarah PKC, orang yang seperti Chen Duxiu dan Qu Qiubai yang sedikit sebanyak masih mempertahankan pemikiran bagi intelektual tradisional, dan orang seperti Hu Yaobang dan Zhao Zhiyang yang masih mengambil berat akan kepentingan rakyat, dan juga seperti Zhu Rongji yang bertekad untuk menjadi pegawai yang bersih dan amanah yang hendak berbuat sesuatu kebaikan demi rakyat jelata- biarpun berapa besar pengorbanan dan jasanya terhadap parti, dan biarpun mereka

tidak mempunyai keinginan liar peribadi, namun pada akhirnya mereka tetap tidak luput daripada disingkirkan atau dipulaukan, tetap diikat oleh kepentingan dan disiplin parti. Sifat parti yang dipupuk dalam pertarungan yang bertahun-tahun telah menyusupi sehingga ke dalam tulang mereka, membuat mereka setiap kali pun berkompromi pada saat-saat kritikal, dan menyerahkan diri tanpa penentangan, kerana di bawah kesedaran mereka, kepentingan terbesar ialah kelangsungan hidup parti. Biarpun untuk mengorbankan diri mereka sendiri, dan biarpun menyaksikan kuasa jahat dalam parti melakukan kejahatan, mereka pun tetap tidak berani untuk mempertahankan nurani mulia mereka sehingga boleh menjejaskan kelangsungan hidup parti. Ini tepat-tepat ialah hasil daripada mekanisme pertarungan PKC yang membuat orang baik berubah menjadi alat yang boleh dipergunakannya, dan menggunakan sifat partinya untuk membatasi semaksimal yang mungkin bahkan melenyapkan pengertian nurani manusia. “Pertarungan garis politik” PKC yang berpuluh-puluh kali telah menjatuhkan berpuluh-puluh pemimpin parti atau pewaris yang ditetapkan di dalaman, pemimpin parti tidak seorang pun yang berakhir dengan kesudahan baik. Meskipun Mao Zedong bergelar raja selama 43 tahun, namun hanya seketika selepas kematiannya, isteri dan anak saudaranya telah dimasukkan ke dalam penjara, seluruh parti malahan bersorak kegembiraan melaung-laungkan bahawa itu ialah kemenangan agung bagi Pemikiran Mao Zedong. Apakah itu suatu komedi atau sandiwara lawak?

Kempen politik tiada hentinya selepas PKC merampas kekuasaan, bertarung daripada dalam parti hingga ke luar parti. Pada zaman Mao Zedong adalah demikian jua, setelah “reformasi ekonomi dan keterbukaan” juga tetap sama. Tahun 1980-an ketika fikiran orang baru terdapat sedikit kebebasan, PKC lantas melakukan “Penentangan terhadap Liberalisasi Borjuis” dan mengajukan “Empat Prinsip Asas” [14] kerana PKC menginginkan kuasa kepimpinan yang mutlak. Pada 1989 tuntutan demokrasi mahasiswa, mengalami penindasan berdarah pada 4 Jun, kerana PKC tidak dapat bertoleransi dengan aspirasi demokratik. Pada 1990-an telah muncul sebilangan besar pengamal Falun Gong yang berpegang pada prinsip “Sejati, Baik, Sabar”, namun tetap membawa kepada penindasan dan pembunuhan beramai-ramai oleh PKC sejak dari 1999 sehinggalah kini, kerana PKC tidak dapat bertoleransi dengan adanya sifat manusiawi dan nurani mulia, justeru harus menggunakan kekerasan untuk menghancurkan pengertian nurani daripada lubuk hati manusia, dengan demikian PKC baru merasa lega hati dengan kekuasaannya. Memasuki abad baru, internet telah menghubungkan seluruh dunia, namun hanya PKC yang membelanjakan sejumlah besar wang untuk menyekat maklumat dalam jaringan internet dan menangkap kaum liberal di internet, kerana PKC sangat takut rakyatnya akan memperoleh maklumat yang bebas.

VI. Kemosotan Agama Sesat Parti Komunis

Agama sesat PKC daripada sifat asalnya menyangkal prinsip alam, melenyapkan sifat manusiawi, sifat dasarnya congkak, bongkak, ekstrim egois dan bermaharajarela. Walaupun dalam pelaksanaannya melakukan dosa kejahatan secara berterusan dan mendatangkan malapetaka kepada rakyat dan negara, namun PKC selama-lamanya tidak akan mengakui kejahatannya, dan juga selama-lamanya tidak berani membiarkan rakyat untuk melihat dengan jelas watak hakikinya. Daripada segi lain, PKC juga selalu tidak teragak-agak untuk mengubah slogan dan labelnya, kerana semua ini pada pandangan PKC adalah hanya merupakan siasat ataupun taktik belaka, asalkan bermanfaat bagi matlamat besar kelangsungan hidupnya, apa-apa pun boleh dilakukannya, kerana PKC langsung tidak mempunyai prinsip moral sama sekali.

Suatu agama sesat yang telah membentuk suatu sistem institusi dan sosialisasi, arah perkembangannya hanyalah akan menuju ke kemosotan total. Disebabkan pemusatan kuasa yang amat padat sekali, dan disebabkan penindasan terhadap pendapat masyarakat dan juga pelbagai mekanisme pengawasan kuasa yang mungkin, tidak ada apa-apa kekuatan lagi yang dapat menghalang PKC daripada menuju ke kemosotan dan kebejatan.

PKC sekarang ini telah merosot menjadi “parti rasuah dan bejat” yang terbesar di dunia. Menurut statistik rasmi di China, antara 20 juta kakitangan dan kader dalam kerajaan atau parti bagi 20 tahun yang lepas, 8 juta telah didapati bersalah atas kesalahan rasuah, dan dikenakan tindakan disiplin atau dihukum berdasarkan peraturan parti atau kerajaan. Mengambil kira kakitangan yang belum lagi dikenal pasti, sebenarnya kakitangan kerajaan dan parti yang rasuah sudah melebihi daripada 2/3, yang dapat disiasat keluar hanya merupakan sebahagian kecil saja.

Rasuah dan kebejatan, mengeruk wang untuk diri sendiri, mengeruk keuntungan dan kepentingan material yang seperti ini ialah kekuatan terbesar bagi penyatuan dalaman PKC pada dewasa kini. Pegawai yang mengambil rasuah tahu, tanpa PKC tentu tidak ada kesempatan bagi mereka untuk melakukan kebejatan. Jika PKC runtuh, mereka bukan hanya kehilangan jawatan dan kekuasaan, bahkan kemungkinan berhadapan risiko pengadilan. Dalam karya sastera yang mengisahkan rahsia pengkomplotan berjudul “Kemurkaan Langit”, novelis Chen Fang meminjam mulut timbalan pengarah majlis perbandaran PKC untuk menyampaikan rahsia parti itu: “rasuah membuat kekuasaan politik kita lebih stabil”.

Rakyat pun dapat melihat dengan jelas: “jika menentang gejala rasuah akan menghancurkan parti, jika tidak menentang rasuah negara pula hancur”. Akan tetapi PKC tidak akan melakukan anti rasuah dengan menanggung risiko bahaya menghancurkan parti. Apa PKC yang mahu melakukan adalah pada waktu yang terpaksa, membunuh beberapa anggota pegawai yang rasuah untuk ditunjukkan kepada orang, menggunakan beberapa butir kepala anggota pegawai yang rasuah itu untuk melanjutkan usia PKC selama beberapa tahun lagi. Satu-satunya matlamat agama sesat PKC sekarang ini adalah mahu mempertahankan kekuasaan dan menghindari daripada kehancuran.

China dewasa kini, etika moral dibinasakan dengan amat parah sekali. Fenomena barang palsu, pelacuran, dadah narkotik berleluasa, pegawai bersekongkol dengan penyamun, kongsi gelap, perjudian, penyuaipan, rasuah dan kebejatan bermaharajalela. PKC terus mengabaikannya dan membiarkan dekadensi moral ini, malahan banyak pegawai tinggi langsung adalah merupakan bos di sebalik tabir yang menerima wang perlindungan daripada rakyat. Cai Shaoqing, seorang pakar khusus yang mengkaji fenomena kongsi gelap, jenayah dan mafia di Universiti Nanjing, menganggarkan jumlah anggota jenayah kongs gelap di China sekurang-kurangnya satu juta orang. Setiap kali tertangkapnya sindiket kongsi gelap, selalunya berhubung-kait dengan pegawai penting dalam kerajaan, hakim dan pegawai polis yang rasuah di belakang.

PKC takut rakyat memiliki hati nurani yang mulia, oleh sebab itu tidak berani memberi kebebasan berkepercayaan kepada rakyat. Kepada orang baik yang mencari kepercayaan dan keimanan, misalnya pengamal Falun Gong yang mencari “Sejati, Baik, Sabar”, atau ahli gereja bawah tanah yang percaya kepada Jesus Christ dan Tuhan, PKC menggunakan apa-apa saja yang dapat dieksploitasikan untuk menindas mereka secara kejam. PKC takut politik yang demokratik akan menamatkan autokrasi satu parti, oleh sebab itu tidak berani memberikan rakyat kebebasan untuk berpolitik. Kepada aktivis kebebasan yang mempunyai pemikiran yang berdikari, bahkan aktivis yang membela hak-hak dalam masyarakat, semuanya dimasukkan ke dalam penjara. Namun begitu PKC telah memberikan rakyat China jenis kebebasan yang lain, iaitu asalkan anda tidak mengambil berat tentang politik, tidak menentang kepimpinan PKC, maka anda boleh melepaskan segala nafsu keinginan anda, bahkan pergi melakukan kejahatan apa-apa pun dan perkara-perkara yang berdosa. Dengan demikian, masalah yang mendatang ialah kemerosotan teruk PKC, serta kemerosotan moral masyarakat China yang jatuh menjunam sekali.

“Menyumbat mati jalan ke syurga, membuka lebar pintu ke neraka”, inilah pepatah yang melukiskan bagaimana agama sesat PKC telah membinasakan sosial dewasa ini.

VII. Refleksi terhadap Penguasaan oleh Agama Sesat PKC

(I) Apakah Parti Komunis?

Pertanyaan ini kelihatan mudah namun tidak dapat dijawab dengan mudah. Meskipun Parti Komunis memakai suatu jubah luar demi “rakyat”, tampil atas nama suatu parti politik, sesungguhnya telah mengelirukan banyak orang. Namun Parti Komunis bukanlah sebuah parti politik dalam pengertian umum, sebenarnya Parti Komunis ialah suatu agama sesat perasukan roh jahat yang menjahanamkan manusia. Parti Komunis ialah suatu nyawa yang hidup: organisasi parti, sebagai imej luarannya, adalah merupakan tubuh badannya; menguasai PKC pada dasarnya, ialah roh yang paling awal merasuk, dan memutuskan sifat-sifat sesat bagi PKC.

Meskipun pemimpin-pemimpin Parti Komunis mempunyai status sebagai ketua agama sesat, tetapi mereka hanya merupakan jurucakap dan pengurus rumahtangga bagi roh jahat dan parti. Ketika kemahuan dan tujuan mereka sama dengan parti dan dapat diperalatkan oleh parti, mereka akan dipilih sebagai pemimpin. Namun ketika mereka tidak dapat memenuhi keperluan parti, mereka dapat dijatuhkan tanpa belas kasihan. Sistem pertarungan parti memastikan hanya anasir yang paling licik, paling jahat dan paling berani baru dapat duduk mantap di kerusi ketua agama sesat parti komunis. Berpuluh-puluh pemimpin parti dalam sejarah PKC semuanya pun tidak berakhir dengan kesudahan baik, justeru tepat-tepat telah menjelaskan persoalan ini. Sesungguhnya jalan keluar bagi pemimpin tertinggi parti amatlah terbatas, apakah sama ada mahu menembuskan pintu keluar daripada agama, seperti yang dilakukan Gorbachev yang telah meninggalkan nama harum dalam sejarah; ataupun akan seperti setiausaha agung PKC yang lain yang akhirnya ditelan oleh parti.

Massa adalah merupakan sasaran penghambaan dan penindasan parti komunis. Dalam kawasan kawalan parti, massa rakyat tidak mempunyai hak untuk menolak parti komunis, tetapi dipaksa untuk menerima kepimpinan parti serta mempunyai kewajiban untuk mendukung (memberikan belanjawan) parti komunis. Mereka bahkan masih harus menerima pencucian otak agama sesat di bawah ancaman dahsyat parti. Parti komunis di China memaksa seluruh rakyatnya mempercayai dan mempertahankan agama sesat ini. Sesungguhnya tiada duanya di dunia ini seperti yang dilakukan oleh PKC.

Anggota parti ialah kelompok manusia yang diperalatkan untuk mengisi tubuh parti. Dalam kelompok manusia ini tidak kurangnya orang yang baik dan jujur, bahkan mereka telah memperolehi pencapaian yang cemerlang dalam masyarakat. Orang yang seperti ini, PKC amat berniat untuk merangkulnya masuk ke dalam parti, memperalatkan nama baik dan kemampuan mereka untuk berkhidmat bagi parti. Malahan banyak orang yang demi mahu menjadi pegawai, demi mahu sekelas lebih tinggi daripada orang lain, dan bagi mahu mengeruk kepentingan bagi dirinya lalu masuk parti secara aktif, membantu penzalim berbuat jahat, seakan-akan ikan mendapatkan air. Terdapat juga orang yang mengharapkan untuk melakukan sesuatu dalam kehidupan ini, dan disebabkan dalam negara yang dikuasai parti komunis, maka selain daripada masuk parti sudah tidak ada kesempatan untuk berkembang yang lain. Seseengah yang masuk parti adalah mahu mendapatkan pembahagian rumah, bahkan ada yang mahu memiliki imej “maju” baru masuk parti. Maka dalam berpuluh-puluh juta anggota PKC, antaranya orang baik dan orang jahat pun bukan sedikit jumlahnya. Akan tetapi tidak peduli apakah motif untuk masuk parti, apakah sama ada dengan sukarela atau tidak, asalkan telah bersumpah di bawah panji parti komunis, ini bererti telah bersedia mengorbankan diri untuk parti. Semenjak itu hendak melalui pembelajaran politik dan kehidupan organisasi yang diadakan setiap minggu, yang jelasnya ialah proses pencucian otak yang berterusan, sehingga sebahagian besar daripada mereka berubah menjadi orang yang tidak mempunyai tekad dan pemikiran sendiri, sehinggakan mudah dikuasai dan dirasuk oleh roh jahat parti komunis. Orang yang sedemikian akan berfungsi dalam parti komunis ibaratkan sel tubuh manusia, yang bekerja tanpa hentinya demi kelangsungan hidup tubuh. Yang lebih menyedihkan lagi adalah sejak dari saat itu, “sifat parti” yang bagaikan kerangka pengerat yang dipasang ketat di atas kepala, jika mahu dilepaskan sudah menjadi

sangat sukar, dan jika sesekali menunjukkan sifat manusiawi, maka berkemungkinan akan mengalami pembersihan dan penindasan. Pada masa itu sekiranya ingin keluar daripada parti, namun kerana agama sesat parti komunis hanya mengizinkan untuk masuk dan tidak mengizinkan untuk keluar, maka itu akan dianggap sebagai pengkhianat. Oleh sebab itu orang sering dapat melihat pada anggota parti komunis mempunyai sifat dwi-keperibadian: satu sisi “sifat parti” dalam kehidupan politik, dan sisi lain sifat manusiawi dalam kehidupan seharian.

Kader parti ialah sekumpulan anggota parti yang memegang kekuasaan. Meskipun mereka di tempat tertentu, waktu tertentu atau peristiwa tertentu dapat memperlihatkan baik buruk peribadinya, atau mengambil keputusan secara individu, namun begitu pada keseluruhannya mereka hanya boleh bekerja dengan menuruti kemahuan parti, seperti apa yang dikatakan “seluruh parti patuh pada Jawatankuasa Pusat”. Kader parti ialah pemimpin di peringkat yang berlainan, dan merupakan tulang belakang bagi parti komunis, tetapi mereka hanyalah suatu alat bagi parti. Orang ini dalam kempen politik yang berkali-kali juga diperalatkan dan ditindas. Standard di belakang semua ini adalah melihat adakah anda mengikuti ketua agama dengan betul, apakah setia tanpa berbelah bahagi.

(II) Mengapa Rakyat Masih Tidak Sedar

PKC menguasai China selama 50 tahun lebih, banyak berbuat dosa kejahatan yang tiada taranya, namun mengapakah seluruh rakyat kurang memahami sifat agama sesat PKC? Adakah bangsa Cina bodoh? Tidak. Bangsa Cina ialah salah satu bangsa di dunia yang paling bijaksana dan arif, dan mempunyai kebudayaan tradisional yang diwarisi lama sepanjang lima ribu tahun. Namun rakyat China hingga sekarang masih hidup di bawah kekuasaan PKC dan tidak berani menyuarakan ketidakpuasannya, sebab yang genting ialah roh jahat PKC telah mengawal fikiran rakyat.

Cuba bayangkan, jika rakyat China mempunyai kebebasan bersuara, jika dapat membahaskan betul dan silap PKC secara terbuka, maka kita tidak akan susah untuk membayangkan bahawa, rakyat China yang bijaksana sejak dari awal lagi sudah dapat membongkari sifat kejahatan PKC, dan juga sejak dari awal lagi telah membebaskan diri daripada agama sesat PKC. Namun malangnya, di bawah penguasaan PKC selama lebih setengah abad, rakyat China telah kehilangan kebebasan bersuara dan kebebasan untuk berfikir. Pada 1957, PKC menangkap sayap kanan di kalangan kaum intelektual, tujuannya adalah untuk menyekat kebebasan bersuara dan mengawal fikiran orang. Dalam masyarakat yang tidak mempunyai kebebasan yang sedemikian, bahkan pemuda-pemudi yang mengkaji dan mendalami karya asli Marx-Lenin dengan tulus hati pada masa Revolusi Kebudayaan, sebahagian besar daripada mereka pun ditindas dengan tuduhan “klik anti-parti”, maka apatah lagi mungkin untuk membahaskan betul salah PKC.

PKC pada hakikatnya ialah agama sesat, dipercayai bahawa banyak orang China bahkan tidak pernah pun berani untuk memikirkannya. Namun apabila kenyataan ini dibuat, dipercayai bahawa bagi orang yang pernah hidup di China, adalah tidak sukar untuk menjumpai bukti hujah yang mencukupi daripada pengalaman yang dialami diri mereka, keluarga dan sahabat mereka.

Selain kebebasan berfikir dikawal, rakyat masih lagi didoktrinasikan dengan doktrin parti komunis dan budaya parti. Dengan demikian orang hanya dapat mendengar pujian terhadap parti, otaknya selain daripada benda PKC sudah menjadi kering kontang. Mengambil suatu contoh, ketika berlaku penindasan “4 Jun 1989”, apabila berlaku penembakan di sekitar Lapangan Tiananmen, banyak orang dengan nalurinya lantas bersembunyi di sebalik semak. Sebentar kemudian mereka dengan berani sekali bangun melangkah keluar dan menyanyikan lagu komunis “Lagu Antarabangsa” secara serentak. Orang China tersebut tuntasnya memang berani, tulus murni dan patut dihormati, namun dalam menghadapi pembunuhan oleh PKC mengapakah mereka masih menyanyikan lagu komunis “Lagu Antarabangsa”? Sebabnya juga amat mudah: di bawah pendidikan budaya parti, orang yang

kasihan ini dibuat PKC hanya tahu akan komunisme. Selain daripada “Lagu Antarabangsa” dan lagu-lagu lain yang memuji-muji parti komunis, sudah tidak ada lagu yang boleh dinyanyikan lagi.

(III) Di manakah jalan keluarnya?

PKC telah menuju ke jalan kebejatan total, apa yang menyedihkan adalah, sebelum agama sesat ini binasa, masih mahu mengikat nasibnya dengan bangsa Cina.

PKC yang semakin mendekati ajalnya, kekuatannya jelas sedang melemah, kawal larangan terhadap fikiran rakyat juga sudah menjadi tidak berkesan lagi. Perkembangan telekomunikasi moden dan internet membuat PKC sukar bagi meneruskan untuk memonopoli maklumat serta menyekat pendapat umum. Perampasan dan penindasan terhadap rakyat oleh pegawai rasuah menjadi parah, massa yang menaruh khayalan terhadap PKC makin sedar, dan banyak orang mula bangun dan mempertahankan hak mereka. Penindasan PKC terhadap Falun Gong bukan hanya gagal mencapai tujuannya untuk memperkukuh kawalan fikiran, sebaliknya telah melemahkan tenaganya, dan juga telah membongkarkan kekejaman PKC. Di bawah suatu suasana persekitaran besar seperti ini, refleksi terhadap PKC menjadi mungkin, dan menjadi suatu kesempatan penting bagi bangsa Cina untuk membebaskan diri daripada kawalan fikiran, serta melepaskan diri secara total daripada kawalan roh jahat Parti Komunis.

Rakyat China yang telah hidup di bawah penguasaan agama sesat PKC selama lebih daripada 50 tahun, yang diperlukan bukanlah revolusi kekerasan, tetapi ialah penyelamatan dan penebusan jiwa. Ini memerlukan rakyat China untuk menyelamatkan diri sendiri baru dapat tercapai. Dan langkah pertama bagi menyelamatkan diri sendiri adalah dengan mengenal hakikat agama sesat PKC.

Pada suatu hari nanti juga, rakyat akan melucuti organisasi PKC yang merasuk di atas sistem pentadbiran negara, dan membiarkan sistem-sistem sosial berfungsi secara berdikari, dengan sokongan kekuatan inti masyarakat. Hari itu sudah tidak jauh. Dengan menyingkirkan parti yang diktator, maka kualiti kerja dalam pentadbiran kerajaan akan meningkat. Sebenarnya hujah tentang “membahagikan parti daripada kerajaan”, sudah mahu dilaksanakan dalam suatu percubaan oleh reformis dalam PKC sejak dari 1980-an. Namun usaha-usaha reformasi dalam sistem agama sesat ini terbukti gagal dan juga sukar dilaksanakan, kerana ideologi “kepimpinan mutlak parti” belum ditolak secara total.

Budaya parti ialah persekitaran yang diperlukan oleh organisasi agama sesat PKC. Menyingkirkan cengkaman budaya parti dan perasukan agama sesat PKC daripada fikiran, mungkin jauh lebih sukar daripada menyingkirkan cengkaman perasuk PKC dalam struktur pentadbiran, namun ini ialah cara yang sebenar untuk menyingkirkan agama sesat PKC daripada akarnya. Ini hanya dapat berhasil dengan bergantung kepada bangsa Cina untuk menyelamatkan diri mereka. Dengan pola pemikiran diperbaharui secara benar, dan sifat manusiawi kembali kepada jati diri yang sebenar, baru akan membangunkan semula etika moral masyarakat, seterusnya menyempurnakan peralihan kepada sosial bukan komunis yang baik. Resepi mujarab untuk menyingkirkan perasuk adalah dengan mengenal sifat dan bahaya roh jahat komunis, melenyapkannya daripada fikiran dan memutuskan hubungan dengannya, supaya tiada tempat berpijak lagi baginya. Parti komunis sangat mementingkan kawalan terhadap “ideologi”, kerana parti komunis justeru hanya merupakan suatu ideologi sahaja. Apabila seluruh rakyat China menyangkal ajaran sesat komunis ini dalam lubuk hati, dan menyingkirkan budaya parti dengan inisiatif, serta menyingkirkan pengaruh agama sesat komunis terhadap konsep dan kehidupan diri dalam pelbagai aspek, maka ideologi parti komunis akan menghadapi kehancuran. PKC nescaya akan tercerai-berai dan runtuh dengan rakyat menyelamatkan diri mereka.

Negara-negara yang dikuasai oleh parti komunis, kebanyakan berhubung kait dengan kemelatan, pemusatan kuasa dan penindasan. Negara-negara yang seperti ini sudah tidak banyak tinggal lagi,

Republik Rakyat China, Korea Utara, Vietnam dan Cuba, dapat dihitung dengan jari, hari kiamatnya tidak akan lama lagi.

Dengan kebijaksanaan bangsa Cina, dengan kegemilangan bangsa Cina dalam sejarah, negara China yang membebaskan diri daripada belenggu perasukan roh jahat komunis, nescaya akan menjadi suatu masyarakat yang penuh dengan harapan.

Kesimpulan

PKC sudah tidak lagi percaya kepada komunisme, rohnya sudah mati, tetapi baying-bayangnya masih belum lenyap. PKC telah mewarisi kantung kulit komunis, dalamnya dipenuhi dengan sifat congkak, ekstrim egois dan bermaharajarela. Dalam agama sesat PKC ini, sifat parti komunis yang turunturun yang menyangkal prinsip alam dan melenyapkan sifat manusiawi tetap tidak berubah.

Pada masa kini, cara yang digunakan oleh PKC untuk menguasai China tepat-tepat ialah taktik yang telah terkumpul selama bertahun-tahun, sistem organisasi yang ketat, dan bentuk pemerintahan yang bercorakkan “parti perasuk”, serta propaganda agama sesat komunis yang telah dijadikan sebagai agama rasmi negara. Rangkuman di atas menggariskan 6 ciri utama agama sesat, bagi PKC sekarang ini lengkap dengan kesemuanya; tidak melakukan kebaikan, hanya kejahatan.

Agama sesat parti komunis yang kian hari kian mendekati kehancuran ini, sedang merosot dengan cepat. Apa yang paling menakutkan ialah, agama sesat komunis yang tidak puas dengan kehancuran ini, masih dengan sedaya-upayanya untuk mengheret masyarakat China ke dalam jurang kebejatan dan kemerosotan.

Bangsa Cina perlu menyelamatkan diri sendiri, perlu refleksi, perlu membebaskan diri daripada PKC.

Nota:

[1] “Harimau bintang telah mati, namun kulitnya masih tertinggal”, berasal daripada buku ramalan Cina kuno, Sajak Bunga Mei (Mei Hua Shi) oleh Shao Yong (1011-1077). Harimau bintang di sini merujuk kepada kawasan geografi bekas Soviet Union, yang sesungguhnya menyerupai suatu bentuk harimau bintang yang berlari. Dengan keruntuhan Soviet Union, kepentingan dalam sistem komunis telah tercerai-berai, yang meninggalkan hanya “kulitnya” (bentuk luaran) semata-mata, seperti yang diwarisi PKC.

[2] Perlembagaan Republik Rakyat China. (penterjemahan rasmi, 1999).

[3] Insiden “Pasukan AB” merujuk kepada operasi “Anti-Bolshevik Corps” pada 1930, apabila Mao mengarahkan pembunuhan ribuan anggota parti, tentera Pengawal Merah, dan rakyat biasa yang tidak berdosa di daerah Jinagxi dalam satu percubaan untuk mengukuhkan kuasanya dalam kawasan pengawalan PKC.

[4] Daripada Mao, “Laporan Penyiasatan Gerakan Petani di Hunan (1927).

[5] Gunung Tai (Taishan) menduduki tempat pertama daripada lima gunung terkenal di daerah Shandon, China; dan merupakan tapak warisan dunia yang diwartakan oleh Bangsa-bangsa Bersatu sejak 1987.

[6] Gerakan Pemagaran Tanah berhubung-kait dengan sisi gelap dalam reformasi ekonomi di China. Menyerupai Revolusi Perindustrian di England (1760-1850), tanah untuk pertanian dalam masa kini di China telah disempadankan untuk membina pelbagai zon ekonomi di semua peringkat (wilayah,

bandar, daerah dan negeri). Sebagai kesannya, golongan petani China kehilangan tanah mereka. Di bandar, penduduk di bandar lama dan kawasan pekan secara kerap dipaksa untuk ditempatkan semula untuk mengosongkan tanah tertentu bagi tujuan pembangunan komersial, dengan pampasan yang minimal kepada penduduk. Untuk maklumat lebih di:

<http://www.uglychinese.org/enclosure.htm>.

[7] Lin Zhao, seorang penuntut Universiti Beijing yang mengambil kursus kewartawanan, diklasifikasikan sebagai sayap kanan pada 1957 bagi pemikirannya yang berdikari dan berani menyuarakan kritikan terhadap gerakan komunis. Dia didakwa dengan konspirasi untuk menggulingkan kediktatoran demokaritik rakyat dan ditahan pada 1960. Pada 1962, dia dijatuhkan hukuman 20 penjara. Dia dibunuh oleh PKC pada 29 April 1968 sebagai reaksionis.

Zhang Zhixin ialah seorang intelektual wanita yang diseksa hingga mati oleh PKC semasa dalam Revolusi Kebudayaan kerana mengkritik kesilapan Mao dalam Langkah Jauh ke Hadapan, dan berani menyuarakan kebenaran. Penjaga penjara banyak kali melucutkan pakaiannya, mengari tangannya di belakang dan membuangnya ke dalam penjara lelaki untuk membiarkannya diperkosa secara bergilir sehingga akhirnya dia berpenyakit jiwa. Penjaga takut dia akan meneriakkan slogan untuk memprotes semasa perlaksanaan hukuman mati ke atasnya, maka mereka memotong kelongkongnya sebelum perlaksanaan.

[8] “Revolusi Februari” merujuk kepada revolusi golongan borjuis Rusia pada Februari 1917, yang mengambil alih pemerintahan daripada Tsar.

[9] Revolusi Oktober, juga dikenali sebagai Revolusi Bolshevik, dipimpin oleh Lenin dan berlaku pada Oktober 1917. Revolusi ini telah menggulingkan revolusi oleh kelas kapitalis yang telah menjatuhkan Tsar, maka telah meragut revolusi borjuis di Rusia.

[10] Kedua-dua “Insiden Mari” dan “Pembunuhan Beramai-ramai 12 April” merujuk kepada penyerangan Kuomintang kepada PKC. “Insiden Mari” berlaku pada 21 Mei 1927, di Bandar Changsha, daerah Hunan. “Pembunuhan Beramai-ramai 12 April” pula berlaku pada 12 April 1927 di Shanghai. Dalam kedua-dua kes tersebut, sesetengah anggota PKC dan aktivis yang pro-PKC diserang, ditahan dan dibunuh.

[11] Liu Di, seorang kakitangan politik dalam Tentera Merah ke-20, yang dituduh menjadi anggota dalam “Pasukan AB” dan memimpin rusuhan di Futian yang menuduh Li Shaojiu sebagai reaksionis. Mereka mengambil alih pengawalan terhadap bandar Futian dan melepaskan lebih daripada 100 orang anggota “Pasukan AB”, dan meneriakkan slogan “Jatuhkan Mao Zedong”.

[12] Peng Dehuai (1898-1974): jeneral dan pemimpin politik PKC. Peng adalah merupakan ketua komander dalam Perang Korea, timbalan presiden dalam Dewan Negeri, ahli Politburo, dan Menteri Pertahanan dari 1954 hingga 1959. Dia disingkirkan daripada jawatan rasminya selepas tidak bersetuju dengan langkah sayap kiri Mao dalam Persidangan Lushan pada 1959.

[13] Daripada “Li Lisan: The Person for Whom Four Memorial Services Have Been Held.”

[14] Empat prinsip tersebut ialah; langkah sosialis, kediktatoran proletariat, kepimpinan PKC, dan Marxisme-Leninisme and Pemikiran Mao Zedong.